

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI



Program KEUSAHAWANAN 2025

TRANSFORMASI MELONJAK PRESTASI



Cetakan Pertama, 2025
Hak Cipta Terpelihara@Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)

Hak cipta terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapatikan izin bertulis daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)








FOOD
TRUCK



KANDUNGAN

INFO KORPORAT	5
PROGRAM KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)	7 - 48
PROGRAM SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)	49 - 62
PROGRAM INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)	63 - 72
PROGRAM SME CORP. MALAYSIA	73 - 86
PROGRAM TEKUN NASIONAL	87 - 94
PROGRAM INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA BERHAD (INSKEN)	95 - 116
PROGRAM BANK RAKYAT	117 - 132
PROGRAM SME BANK	133 - 142
PROGRAM UDA HOLDINGS BERHAD	143 - 150
PROGRAM PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS)	151 - 162
PROGRAM AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (AIM)	163 - 166
DIREKTORI KUSKOP & AGENSI	167 - 184

INFO KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI



VISI

Menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan unggul.

MISI

Mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong Pembangunan sosioekonomi negara yang inklusif, seimbang dan mampan.

PERANAN DAN FUNGSI

01 Menetapkan hala tuju pembangunan keusahawanan negara.

02 Membudayakan nilai dan minda keusahawanan dalam masyarakat Malaysia.

03 Memperkukuh ekosistem keusahawanan negara.

04 Meningkatkan akses kepada pembiayaan.

05 Memudahcara akses kepada pasaran domestik dan antarabangsa.

06 Menyediakan sokongan dan bantuan keusahawanan serta pembangunan kapasiti.

07 Menyediakan ekosistem yang menyokong pembangunan koperasi.

SEJARAH PENUBUHAN

1974 — Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam (KPPA)

1976 — Kementerian Perusahaan Awam (KPA)

1995 — Kementerian Pembangunan Usahawan

2009 — Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD)

2018 — Kementerian Pembangunan Usahawan (MED)

2020 — Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)

2022 — Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)



BAHAGIAN DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI



INFO BAHAGIAN

Seksyen Keusahawanan Inklusif berfungsi seperti berikut:

- Membangunkan ekosistem kondusif bagi pembangunan keusahawanan sosial dan perniagaan inklusif.
- Merancang, merangka, menggubal dan mengemaskini dasar, pelan strategik dan pelan tindakan berkaitan keusahawanan sosial dan perniagaan inklusif.
- Menyediakan input, ulasan dan maklum balas ke atas kertas-kertas dasar berkaitan keusahawanan sosial dan perniagaan inklusif.
- Memupuk kerjasama strategik antara kementerian/agensi, industri, NGO dan komuniti dalam pelaksanaan program dan inisiatif pembangunan keusahawanan dan perniagaan inklusif.
- Mengurus setia mesyuarat berkaitan pembangunan keusahawanan sosial di peringkat kementerian dan nasional.
- Menyelaras pencapaian prestasi dan input, ulasan serta maklum balas berkaitan ekonomi digital.



PROGRAM YANG DITAWARKAN

Penarafan perusahaan sosial:

1. Tunas Perusahaan Sosial (Aspiring Social Enterprise)
2. Perusahaan Sosial Asas (Basic Social Enterprise)
3. Perusahaan Sosial Diakreditasi (Accredited Social Enterprise)

PENARAFAN PERUSAHAAN SOSIAL: TUNAS PERUSAHAAN SOSIAL *(ASPIRING SOCIAL ENTERPRISE)*



OBJEKTIF PROGRAM

1. Membina ekosistem pembangunan keusahawan sosial yang bersepadu dan holistik di Malaysia.
2. Mewujudkan sejumlah besar usahawan sosial.
3. Memperkukuh pembangunan kapasiti dan daya saing perusahaan sosial tempatan.
4. Mengarus perdana perusahaan sosial sebagai penyumbang yang efektif kepada pembangunan negara.
5. Mempertingkat dan menormalisasi perusahaan sosial untuk memberi impak positif kepada pembangunan sosial dan alam sekitar.



BIDANG FOKUS

1. Penyertaan sosial yang inklusif
2. Pendidikan untuk semua
3. Kesaksamaan sosial
4. Melindungi mangsa keganasan
5. Perumahan mampu milik
6. Jaminan makanan
7. Penjagaan kesihatan untuk semua
8. Pemeliharaan budaya dan warisan
9. Akses kepada air bersih dan sanitasi
10. Pemeliharaan alam sekitar
11. Tindakan iklim



KUMPULAN SASAR

1. Kanak-kanak
2. Warga Emas
3. Orang Kelainan Upaya (OKU)
4. Gelandangan dan Pengemis
5. Mangsa Bencana Alam
6. Mangsa Keganasan Rumah Tangga
7. Pesalah di Bawah Perintah Khidmat Masyarakat
8. Mangsa Pemerdagangan Manusia
9. Belia Kurang Bernasib Baik
10. Populasi Rentan
11. Masyarakat Orang Asli/Asal
12. Keluarga Rentan: Ibu Tunggal dan Bapa Tunggal
13. Orang Mengalami Ketagihan
14. Bekas Banduan
15. Individu Tanpa Dokumen
16. Golongan Miskin dan Miskin Tegar
17. Perlindungan Haiwan



SEKTOR

1. Sektor Kerajaan
2. Sektor Swasta
3. Agensi
4. Perusahaan Sosial
5. NGO



PRODUK DITAWARKAN

Memberikan penarafan mengikut kriteria kelayakan yang telah ditetapkan oleh KUSKOP.



SYARAT KELAYAKAN

1. Berdaftar dengan pihak berwajib (SSM, SKM, ROS, PBT).
2. Mempunyai kumpulan sasar yang jelas.
3. Sumber pendapatan (diperolehi daripada aktiviti perniagaan berjual beli) perlu ≥10% daripada hasil pendapatan.
4. ≥10% penyaluran keuntungan; atau ≥10% penyaluran keuntungan melalui:
   - Sokongan (menyediakan peluang menjana pendapatan, menyediakan latihan atau memberi subsidi kepada kumpulan sasar; atau/dan
   - Bahan Mentah/Perolehan Sumber (Bahan mentah atau sumber pengeluaran dibelanjakan untuk mencapai misi sosial/alam sekitar); atau/dan
   - Pekerjaan (jumlah penggajian kepada kumpulan sasar)
5. Kriteria tambahan bagi koperasi adalah ≥25% keahlian koperasi terdiri daripada kumpulan sasar atau komuniti yang menerima manfaat terdiri daripada kumpulan sasar.



YURAN PEMPROSESAN

Percuma.



KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

1. Skim Pembiayaan Perusahaan Sosial - SME Bank
2. Skim Juara Lestari - SME Bank
3. Yayasan Hasanah - Khazanah Nasional Berhad
4. MyCIF - Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Seksyen Keusahawanan Inklusif (SKI)

se@kuskop.gov.my
https://www.kuskop.gov.my/PerusahaanSosial/

PENARAFAN PERUSAHAAN SOSIAL: PERUSAHAAN ASAS *(BASIC SOCIAL ENTERPRISE)*



OBJEKTIF PROGRAM

1. Membina ekosistem pembangunan keusahawan sosial yang bersepadu dan holistik di Malaysia.
2. Mewujudkan sejumlah besar usahawan sosial.
3. Memperkukuh pembangunan kapasiti dan daya saing perusahaan sosial tempatan.
4. Mengarus perdana perusahaan sosial sebagai penyumbang yang efektif kepada pembangunan negara.
5. Mempertingkat dan menormalisasi perusahaan sosial untuk memberi impak positif kepada pembangunan sosial dan alam sekitar.



BIDANG FOKUS

1. Penyertaan sosial yang inklusif
2. Pendidikan untuk semua
3. Kesaksamaan sosial
4. Melindungi mangsa keganasan
5. Perumahan mampu milik
6. Jaminan makanan
7. Penjagaan kesihatan untuk semua
8. Pemeliharaan budaya dan warisan
9. Akses kepada air bersih dan sanitasi
10. Pemeliharaan alam sekitar
11. Tindakan iklim



KUMPULAN SASAR

1. Kanak-Kanak
2. Warga Emas
3. Orang Kelainan Upaya (OKU)
4. Gelandangan dan Pengemis
5. Mangsa Bencana Alam
6. Mangsa Keganasan Rumah Tangga
7. Pesalah di Bawah Perintah Khidmat Masyarakat
8. Mangsa Pemerdagangan Manusia
9. Belia Kurang Bernasib Baik
10. Populasi Rentan
11. Masyarakat Orang Asli/Asal
12. Keluarga Rentan: Ibu Tunggal dan Bapa Tunggal
13. Orang Mengalami Ketagihan
14. Bekas Banduan
15. Individu Tanpa Dokumen
16. Golongan Miskin dan Miskin Tegar
17. Perlindungan Haiwan



SEKTOR

1. Sektor Kerajaan
2. Sektor Swasta
3. Agensi
4. Perusahaan Sosial
5. NGO



PRODUK DITAWARKAN

Memberikan penarafan mengikut kriteria kelayakan yang telah ditetapkan oleh KUSKOP.



SYARAT KELAYAKAN

1. Berdaftar dengan pihak berwajib (SSM, SKM, ROS, PBT).
2. Mempunyai kumpulan sasar yang jelas.
3. Sumber pendapatan (diperolehi daripada aktiviti perniagaan berjual beli) perlu ≥25% daripada hasil pendapatan.
4. ≥30% penyaluran keuntungan; atau ≥30% penyaluran keuntungan melalui sokongan (menyediakan peluang menjana pendapatan, menyediakan latihan atau memberi subsidi kepada kumpulan sasar.
5. Bahan mentah/perolehan sumber (bahan mentah atau sumber pengeluaran dibelanjakan untuk mencapai misi sosial/alam sekitar).
6. Pekerjaan (jumlah penggajian kepada kumpulan sasar).
7. Kriteria tambahan bagi koperasi adalah ≥51% keahlian koperasi terdiri daripada kumpulan sasar atau komuniti yang menerima manfaat terdiri daripada kumpulan sasar.



YURAN PEMPROSESAN

RM50.



KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

1. Skim Pembiayaan Perusahaan Sosial - SME Bank
2. Skim Juara Lestari - SME Bank
3. Yayasan Hasanah - Khazanah Nasional Berhad
4. MyCIF - Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Seksyen Keusahawanan Inklusif (SKI)

se@kuskop.gov.my
https://www.kuskop.gov.my/PerusahaanSosial/

PENARAFAN PERUSAHAAN SOSIAL: PERUSAHAAN SOSIAL DIAKREDITASI *(ACCREDITED SOCIAL ENTERPRISE)*



OBJEKTIF PROGRAM

1. Membina ekosistem pembangunan keusahawan sosial yang bersepadu dan holistik di Malaysia.
2. Mewujudkan sejumlah besar usahawan sosial.
3. Memperkukuh pembangunan kapasiti dan daya saing perusahaan sosial tempatan.
4. Mengarus perdana perusahaan sosial sebagai penyumbang yang efektif kepada pembangunan negara.
5. Mempertingkat dan menormalisasi perusahaan sosial untuk memberi impak positif kepada pembangunan sosial dan alam sekitar.



BIDANG FOKUS

1. Penyertaan sosial yang inklusif
2. Pendidikan untuk semua
3. Kesaksamaan sosial
4. Melindungi mangsa keganasan
5. Perumahan mampu milik
6. Jaminan makanan
7. Penjagaan kesihatan untuk semua
8. Pemeliharaan budaya dan warisan
9. Akses kepada air bersih dan sanitasi
10. Pemeliharaan alam sekitar
11. Tindakan iklim



KUMPULAN SASAR

1. Kanak-Kanak
2. Warga Emas
3. Orang Kelainan Upaya (OKU)
4. Gelandangan dan Pengemis
5. Mangsa Bencana Alam
6. Mangsa Keganasan Rumah Tangga
7. Pesalah di Bawah Perintah Khidmat Masyarakat
8. Mangsa Pemerdagangan Manusia
9. Belia Kurang Bernasib Baik
10. Populasi Rentan
11. Masyarakat Orang Asli/Asal
12. Keluarga Rentan: Ibu Tunggal dan Bapa Tunggal
13. Orang Mengalami Ketagihan
14. Bekas Banduan
15. Individu Tanpa Dokumen
16. Golongan Miskin dan Miskin Tegar
17. Perlindungan Haiwan



SEKTOR

1. Sektor Kerajaan
2. Sektor Swasta
3. Agensi
4. Perusahaan Sosial
5. NGO



PRODUK DITAWARKAN

1. Memberikan penarafan mengikut kelayakan kriteria yang telah ditetapkan oleh KUSKOP.
2. Pengecualian Cukai Pendapatan bagi Perusahaan Sosial yang diluluskan akreditasi.
3. *Double Badge Verification* oleh *Social Enterprise World Forum* (SEWF).



SYARAT KELAYAKAN

1. Berdaftar dengan pihak berwajib (SSM, SKM, ROS, PBT).
2. Mempunyai kumpulan sasar yang jelas.
3. Sumber pendapatan (diperolehi daripada aktiviti perniagaan berjual beli) perlu ≥51% daripada hasil pendapatan.
4. ≥51% penyaluran keuntungan; dan ≥10% penyaluran keuntungan (salah satu) melalui:
   - Sokongan (menyediakan peluang menjana pendapatan, menyediakan latihan atau memberi subsidi kepada kumpulan sasar; atau
   - Bahan Mentah/Perolehan Sumber (Bahan mentah atau sumber pengeluaran dibelanjakan untuk mencapai misi sosial/alam sekitar); atau
   - Pekerjaan (jumlah penggajian kepada kumpulan sasar)
5. Kriteria tambahan bagi koperasi adalah ≥75% keahlian koperasi terdiri daripada kumpulan sasar atau komuniti yang menerima manfaat terdiri daripada kumpulan sasar.



YURAN PEMPROSESAN

RM300.



KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

1. Skim Pembiayaan Perusahaan Sosial - SME Bank
2. Skim Juara Lestari - SME Bank
3. Yayasan Hasanah - Khazanah Nasional Berhad
4. MyCIF - Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Seksyen Keusahawanan Inklusif (SKI)

se@kuskop.gov.my
https://www.kuskop.gov.my/PerusahaanSosial/

BAHAGIAN PEMBANGUNAN EKOSISTEM KEUSAHAWANAN (BPES)

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI



INFO BAHAGIAN

Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan (BPES) adalah bahagian yang bertanggungjawab merancang, menyelaras dan melaksana program/ aktiviti pembangunan ekosistem keusahawanan secara inklusif meliputi latihan, pembudayaan, pembiayaan, pemasaran dan pengkomersialan.

Sekretariat Professional *Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTEGE) bertanggungjawab melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan potensi kebolehpasaran serta kemahiran keusahawanan dalam kalangan graduan dan terbuka kepada pelbagai bidang pengajian.



PROGRAM YANG DITAWARKAN

1. Program Pembangunan Kapasiti SDSI Fasa Kajian Analisis Industri
2. Program Pembangunan Kapasiti SDSI Fasa Pembangunan Industri
3. Program Pembangunan Kapasiti SDSI Fasa, Kesediaan Pasaran (Pengembangan)
4. *Showcase* SDSI
5. Platform Digital MyMall
6. Program Jelajah Keusahawanan Bersasar (JKEB)
7. Program Latihan Intensif Dalam Talian Bagi Usahawan Generasi Baharu (N-GENE)
8. Penempatan Latihan Kerjaya Graduan Bersama Industri (PROTEGE-RTW)
9. Program Usahawan Perantis (SPACE): Asas Keusahawanan
10. Program Anjakan Minda Keusahawanan Graduan (PANDU)
11. ROAD: Karnival PROTEGE KUSKOP
12. Program Pensijilan Profesional Graduan TVET B40
13. Seminar Keusahawanan Mahasiswa: Jom Jumpa PROTEGE
14. Program Usahawan Siswazah (PUSh)

PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI SDSI FASA KAJIAN ANALISIS INDUSTRI

OBJEKTIF PROGRAM

Kajian tentang industri di sesebuah daerah terhadap keseluruhan ekosistem termasuk rantaian bekalan, dan kebolehpasaran produk untuk mengenal pasti jurang yang ada dan merangka pelan pemasaran yang komprehensif bagi memberi impak kepada komuniti setempat.

LATAR BELAKANG/ KETERANGAN PROGRAM

Bermula pada tahun 2020 hingga 2024, KUSKOP bersama agensi pelaksana iaitu INSKEN telah melaksanakan Program Pembangunan Kapasiti SDSI (Kajian Analisis Industri) melibatkan 56 buah industri di seluruh negara. Bagi tahun 2025, KUSKOP akan melaksanakan Fasa Kajian Analisis Industri melibatkan 14 industri.

KRITERIA KELAYAKAN

Memenuhi kriteria penentuan industri SDSI iaitu melibatkan komuniti setempat, melambangkan identiti tempat/kawasan serta memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

SKOP PELAKSANAAN

1. Kajian bagi mengenal pasti jurang (gap) serta merangka hala tuju produk SDSI.
2. Pelaksanaan kajian terperinci terhadap setiap industri yang merangkumi keseluruhan ekosistem dan mengenal pasti jurang yang ada dan merangka pelan penambahbaikan yang sesuai untuk terus berkembang maju.
3. Menganalisis keseluruhan rantaian bekalan industri dan menilai sejauh mana penglibatan komuniti dan sumber tempatan di dalam industri ini.

TEMPOH PELAKSANAAN

Januari - Ogos 2025.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Seksyen Pemasaran dan Pengkomersialan
Bahagian Pembangunan Ekosistem Usahawan

smk.bpes@kuskop.gov.my

PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI SDSI FASA PEMBANGUNAN INDUSTRI



OBJEKTIF PROGRAM

Mengadakan intervensi bagi pembangunan produk unik beridentitikan sesebuah daerah terhadap keseluruhan ekosistem sehingga produk sedia untuk dikomersialkan bagi membantu kegiatan ekonomi komuniti setempat.



LATAR BELAKANG/ KETERANGAN PROGRAM

Bermula pada tahun 2021 hingga 2024, KUSKOP bersama agensi pelaksana iaitu INSKEN telah melaksanakan Program Pembangunan Kapasiti SDSI (Pembangunan Industri) di 15 industri seluruh negara. Bagi tahun 2025, KUSKOP akan melaksanakan Pembangunan Industri SDSI di 7 industri (Senarai industri yang terlibat adalah tertakluk kepada laporan kajian analisis industri tahun 2024 dan kelulusan Jawatankuasa Teknikal SDSI).



KRITERIA KELAYAKAN

Memenuhi kriteria penentuan industri SDSI iaitu melibatkan komuniti setempat, melambangkan identiti tempat/kawasan serta memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.



SKOP PELAKSANAAN

Proses intervensi bagi pembangunan produk sehingga produk sedia untuk dikomersialkan. Skop pembangunan kapasiti merangkumi penjenamaan dan pembungkusan, pensijilan, pembelian mesin, membina fasiliti atau menaik taraf fasiliti sedia ada.



TEMPOH PELAKSANAAN

Januari - Disember 2025.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Seksyen Pemasaran dan Pengkomersialan
Bahagian Pembangunan Ekosistem Usahawan

smk.bpes@kuskop.gov.my

PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI SDSI FASA KESEDIAAN PASARAN (PENGEMBANGAN)

OBJEKTIF PROGRAM

Memasarkan produk SDSI kepada pasaran yang lebih luas sama ada dalam negara atau eksport ke luar negara.

LATAR BELAKANG/ KETERANGAN PROGRAM

Pemasaran Produk SDSI
Penyediaan produk SDSI sebagai cenderahati kepada delegasi program negara seperti ASEAN.
Ini merupakan satu inisiatif Kementerian dalam mempromosikan produk SDSI di samping memperluaskan akses pasaran.

Promosi Produk SDSI - Video
Video travelog bagi mempromosikan produk SDSI yang akan dibangunkan oleh KUSKOP melalui agensi pelaksana iaitu INSKEN, Kementerian peneraju dan Kerajaan negeri sejak pelaksanaan Program SDSI dikendalikan oleh KUSKOP pada tahun 2019.

Promosi Produk SDSI - Media Sosial
Penggunaan platform media sosial untuk mempromosikan produk SDSI yang telah dibangunkan bagi mencapai lebih ramai kumpulan sasaran dalam usaha menyebarluas informasi kepada semua lapisan masyarakat.

KUMPULAN SASAR

Usahawan SDSI.

SKOP PELAKSANAAN

Penghasilan satu video promosi travelog bagi produk-produk SDSI.
Membuat hantaran (posting) bagi promosi produk SDSI oleh pempengaruh (influencer) di media sosial dan portal dalam talian.

TEMPOH PELAKSANAAN

Januari - Disember 2025.

KRITERIA KELAYAKAN

Memenuhi kriteria penentuan industri SDSI iaitu melibatkan komuniti setempat, melambangkan identiti tempat/ kawasan serta memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Seksyen Pemasaran dan Pengkomersialan
Bahagian Pembangunan Ekosistem Usahawan

smk.bpes@kuskop.gov.my

SHOWCASE SDSI

OBJEKTIF PROGRAM

1. Menyediakan medium pemasaran produk dan perkhidmatan SDSI yang berkualiti.
2. Meningkatkan imej produk/ perkhidmatan SDSI.
3. Memberi pendedahan kepada umum bahawa keluaran SDSI adalah berpotensi dan berkualiti.
4. Mewujudkan dan memperluaskan rantaian perniagaan di antara usahawan SDSI dengan pembeli, pengedar, agen pemasaran, stokis, pengimport, hypermarket dari dalam dan luar negara.
5. Memberikan kesedaran berkenaan peluang pembiayaan perniagaan dan meningkatkan akses dan peluang pembiayaan perniagaan kepada usahawan SDSI untuk mengembangkan perniagaan mereka.
6. Program secara integrasi ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak usahawan (mendapatkan pembiayaan) dan pembiaya (mendapat perniagaan).

LATAR BELAKANG/ KETERANGAN PROGRAM

1. Peringkat Borneo di Sabah (Mei 2025)
2. Wilayah Timur di Terengganu (Julai 2025)
3. Peringkat Kebangsaan di WP Putrajaya (September 2025)

KUMPULAN SASAR

Usahawan SDSI.

SKOP PELAKSANAAN

Pelaksanaan *Showcase* SDSI Peringkat Wilayah dengan penglibatan usahawan SDSI tempatan dan kerjasama Kerajaan Negeri. Pelaksanaan program Showcase SDSI 2024 akan meliputi aktiviti dan pengisian seperti berikut:

1. Aktiviti Jualan Usahawan
2. Pameran Kementerian dan agensi
3. BIAYA Usahawan SDSI
4. Padanan Perniagaan SDSI
5. Sesi webinar SDSI
6. Seminar Keusahawanan / *Pocket Talk* dan
7. Aktiviti Tarikan Pengunjung

TEMPOH PELAKSANAAN

Mei - Oktober 2025.

KRITERIA KELAYAKAN

Memenuhi kriteria penentuan industri SDSI iaitu melibatkan komuniti setempat, melambangkan identiti tempat/kawasan serta memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Seksyen Pemasaran dan Pengkomersialan
Bahagian Pembangunan Ekosistem Usahawan

smk.bpes@kuskop.gov.my

PLATFORM DIGITAL MYMALL



OBJEKTIF PROGRAM

Mewujudkan satu platform pembangunan ekosistem keusahawanan yang inklusif berteraskan empat paksi utama iaitu e-dagang, latihan keusahawanan, akses terhadap pembiayaan perniagaan dan pemasaran.



LATAR BELAKANG/ KETERANGAN PROGRAM

MyMall diwujudkan susulan penularan pandemik COVID-19 yang telah mendesak kebanyakan usahawan untuk beralih ke perniagaan dalam talian.

KUSKOP telah mengambil inisiatif untuk mengintegrasikan semua platform e-dagang di bawah agensi-agensi KUSKOP (iaitu Pybli, Angsana Virtual Mall, Odela dan Warongku) menerusi satu platform iaitu MyMall.



KUMPULAN SASAR

Terbuka kepada semua usahawan dan koperasi tempatan.



TEMPOH PELAKSANAAN

Januari - Disember 2025.



SKOP PELAKSANAAN

Pembangunan platform MyMall dijalankan secara berfasa. Di samping fungsi-fungsi seperti alat bantuan perniagaan, akses terhadap latihan keusahawanan, pembiayaan perniagaan dan pemasaran produk/ perkhidmatan usahawan dan koperasi disediakan di MyMall, fokus semasa adalah untuk memastikan seramai mungkin usahawan dapat menggunakan platform ini. Pengenalan dan proses *onboarding* ke platform MyMall dijalankan kepada usahawan/ koperasi di lapangan dan secara dalam talian.



KRITERIA KELAYAKAN

Terbuka kepada semua usahawan dan koperasi tempatan.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Nur Syazana binti Jaafar Sidek
nursyazana.sidek@kuskop.gov.my
03-8883 6221

PROGRAM JELAJAH KEUSAHAWANAN BERSASAR (JKEB)



OBJEKTIF PROGRAM

Menambah pengetahuan dan kemahiran kumpulan sasar dalam pengurusan kewangan dan pemasaran digital secara khusus.



LATAR BELAKANG/ KETERANGAN PROGRAM

Program akan dilaksanakan selama 1 hari dengan pengisian modul yang berfokus merangkumi modul asas keusahawanan, pendaftaran perniagaan, pengurusan kewangan dan pemasaran digital kepada kumpulan sasar.



KUMPULAN SASAR

1. Wanita
2. B40
3. Belia



TEMPOH PELAKSANAAN

Januari - Disember 2025.



SKOP PELAKSANAAN

3 siri jelajah keusahawanan secara bersasar yang merangkumi pengisian secara berfokus berkaitan pengurusan kewangan dan pemasaran digital kepada peserta.



KRITERIA KELAYAKAN

Usahawan mikro dan usahawan tidak formal.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Seksyen Latihan dan Pembudayaan Keusahawanan (SLU)

sluprotege.bpes@kuskop.gov.my
03-8883 6210

PROGRAM LATIHAN INTENSIF DALAM TALIAN BAGI USAHAWAN GENERASI BAHARU (N-GENE)

OBJEKTIF PROGRAM

1. Meningkatkan potensi kebolehpasaran serta membudayakan kemahiran keusahawanan melalui latihan dalam talian.
2. Membantu graduan untuk menjana pendapatan serta memberi pendedahan awal sebelum memulakan perniagaan yang lebih besar.
3. Mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan.
4. Mewujudkan peluang pekerjaan dalam pasaran (job creator).

Justifikasi

1. Menjana semula pertumbuhan ekonomi melalui pemerkasaan perniagaan mikro di samping menjadi bidang kerjaya pada golongan graduan.
2. Menyokong DKN 2030 Strategi A2 - memantapkan pelaksanaan pendidikan dan kemahiran keusahawanan di bawah Teras 1 iaitu membudayakan keusahawanan dalam segenap lapisan masyarakat.
3. Menyokong Strategi B1 di bawah RMK-12 - mewujudkan usahawan yang inovatif dan mampan di bawah bidang keutamaan B RMK-12.

TEMPOH PELAKSANAAN

Januari - Oktober 2025.

LATAR BELAKANG/ KETERANGAN PROGRAM

Latihan secara dalam talian selama 5 hari (3 siri - 100 bagi setiap kelas);
Sesi bimbingan sebanyak 3 sesi dan penyaluran geran kepada peserta yang layak melalui sesi *business pitching*.

KRITERIA KELAYAKAN

- Graduan yang telah menjalankan perniagaan
- Graduan Menganggur
- Usahawan PKS Kumpulan Sasar Program

KUMPULAN SASAR

Graduan yang mempunyai perniagaan kurang dari 5 tahun.

SKOP PELAKSANAAN

Latihan, bimbingan serta pemantauan dan penyaluran geran.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Muhammad Fikri bin Abdul Aziz
fikri.aziz@kuskop.gov.my
03-8883 6406

PENEMPATAN LATIHAN KERJAYA GRADUAN BERSAMA INDUSTRI (PROTEGE - RTW)



OBJEKTIF PROGRAM

Membantu graduan menganggur meningkatkan tahap keupayaan diri dengan mempersiapkan mereka dengan ilmu, kemahiran dan pengalaman bekerja sebenar dan seterusnya meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan di mana-mana syarikat ataupun menawarkan peluang pekerjaan baharu sekiranya mereka memilih untuk menjadi usahawan.



LATAR BELAKANG/ KETERANGAN PROGRAM

PROTEGE-RTW merupakan inisiatif kerajaan bagi meningkatkan kebolehpasaran dan memberikan pengalaman pekerjaan untuk graduan melalui penempatan latihan di pelbagai industri yang mengambil bahagian.



SKOP PELAKSANAAN

Program PROTEGE - RTW merangkumi dua (2) komponen latihan utama yang perlu dilaksanakan oleh syarikat seperti berikut:

i. Latihan Kemahiran Insaniah (Soft Skills Training)
ii. Latihan di Tempat Kerja (On The Job Training)



TEMPOH PELAKSANAAN

Januari - Disember 2025.



KUMPULAN SASAR

Graduan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas.



KRITERIA KELAYAKAN

Graduan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas:

i. Warganegara Malaysia dan terbuka kepada semua lulusan universiti
ii. Graduan telah tamat belajar
iii. Keutamaan diberikan kepada graduan menganggur yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah atau tinggal di kawasan pedalaman
iv. Graduan yang sudah bekerja tetapi tidak setaraf dengan kelulusan diperolehi



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Zubaidah binti Sa'aidi
zubaidah.saaidi@kuskop.gov.my
03-8883 6407

Noralawiyah binti Ramli
alawiyah.ramli@kuskop.gov.my
03-8883 6112

PROGRAM ANJAKAN MINDA KEUSAHAWANAN GRADUAN (PANDU)



OBJEKTIF PROGRAM

Meningkatkan potensi kebolehpasaran serta membudayakan pemikiran dan kemahiran keusahawanan melalui latihan dalam talian.



LATAR BELAKANG/ KETERANGAN PROGRAM

Meningkatkan kompetensi peserta *"Entrepreneurial Mindset"* melalui adaptasi kemahiran keusahawanan di tempat kerja.



TEMPOH PELAKSANAAN

Januari - Oktober 2025.



SKOP PELAKSANAAN

Dilaksanakan sebanyak 70 kelas secara dalam talian dan 1 kelas dilaksanakan secara fizikal seramai 100 orang.



KRITERIA KELAYAKAN

i. Peserta PROTEGE - *Ready to Work*
ii. Graduan/Mahasiswa



KUMPULAN SASAR

Graduan yang sedang menjalani Latihan Program PROTEGE - *Ready to Work,* Mahasiswa.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Muhammad Haiban bin Mohd Rohim
haiban.rohim@kuskop.gov.my
03-2935 8989 (ext.302)

ROAD:
KARNIVAL PROTEGE KUSKOP



OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pendedahan kepada graduan/ mahasiswa/usahawan/belia dan orang awam mengenai keusahawanan dan kebolehpasaran.



LATAR BELAKANG/ KETERANGAN PROGRAM

Program berbentuk karnival yang mengumpulkan semua agensi keusahawanan bertujuan menyediakan informasi terkini berkaitan keusahawanan dan peluang pekerjaan kepada mahasiswa.



TEMPOH PELAKSANAAN

Januari - November 2025.



SKOP PELAKSANAAN

i. ***Reach out:*** Program turun padang untuk membantu kumpulan sasar di lapangan
ii. ***Awareness:*** Taklimat kesedaran mengenai ekosistem keusahawanan dan kebolehpasaran
iii. ***Developmental:*** Seminar/ bengkel pembudayaan keusahawanan dan kebolehpasaran jangka pendek



KUMPULAN SASAR

i. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (Awam & Swasta)
ii. Graduan yang menganggur
iii. Usahawan Graduan
iv. Terbuka



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Ahmad Nazrin Shah bin Ahmad Nazimuddin
nazrin.nazimuddin@kuskop.gov.my
03-8883 6406

PROGRAM PENSIJILAN PROFESIONAL GRADUAN TVET (B40)



OBJEKTIF PROGRAM

i. Meningkatkan kadar keboleh pasaran graduan TVET dalam pasaran industri.
ii. Memupuk kemahiran keusahawanan dalam kalangan graduan yang mempunyai kompetensi serta berkeupayaan untuk mencipta peluang perniagaan (job creator) pada masa hadapan.



LATAR BELAKANG/ KETERANGAN PROGRAM

Melatih graduan TVET B40 dalam meningkatkan potensi kebolehpasaran dan kemahiran keusahawanan dalam bidang teknikal.



TEMPOH PELAKSANAAN

Januari - Oktober 2025.



SKOP PELAKSANAAN

Kursus 1 hari sehingga 5 hari di institut terpilih (NIOSH dan ABM).



KRITERIA KELAYAKAN

Graduan TVET atau graduan yang mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).



KUMPULAN SASAR

Graduan TVET/graduan



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Sufiyan Effendi bin Mahadir
sufiyan.m@kuskop.gov.my
03-8883 6173

SEMINAR KEUSAHAWANAN MAHASISWA: JOM JUMPA PROTEGE (JJP)



OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pendedahan kepada pelajar institusi pendidikan tinggi (IPT) mengenai perniagaan dan bagaimana memulakan perniagaan sendiri tanpa modal.



LATAR BELAKANG/ KETERANGAN PROGRAM

Program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar IPT mengenai asas keusahawanan dan strategi memulakan perniagaan.



TEMPOH PELAKSANAAN

Januari - November 2025.



SKOP PELAKSANAAN

Seminar secara fizikal selama sehari kepada pelajar institut pengajian tinggi (IPT)/institut latihan kemahiran awam (ILKA).



KRITERIA KELAYAKAN

Pelajar institut pengajian tinggi (IPT)/ institut latihan kemahiran awam (ILKA). Keutamaan diberikan kepada pelajar tahun akhir.



KUMPULAN SASAR

Pelajar institut pengajian tinggi (IPT)/ institut latihan kemahiran awam (ILKA).



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Fathin binti Mohd Nazri
fathin.nazri@kuskop.gov.my
03-2935 8989 (ext.302)

USAHAWAN SISWAZAH (PUSh) - ALUMNI PESERTA PROTEGE

OBJEKTIF PROGRAM

i. Membimbing usahawan alumni program-program PROTEGE untuk terokai teknik dan amalan terbaik industri bagi memulakan perniagaan.
ii. Memberi kesinambungan melalui bimbingan bagi alumni yang telah memulakan perniagaan setelah tamat program.
iii. Membantu alumni untuk mengukuhkan perniagaan yang dimulakan.
iv. Menambahbaik dan mengukuhkan perniagaan alumni program - program PROTEGE.

LATAR BELAKANG/ KETERANGAN PROGRAM

Program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap perniagaan peserta menerusi latihan, bimbingan dan amalan terbaik usahawan berjaya.

TEMPOH PELAKSANAAN

Januari - September 2025.

SKOP PELAKSANAAN

Latihan, bimbingan, pemantauan dan penyaluran geran.

KRITERIA KELAYAKAN

i. Peserta masih menjalankan perniagaan.
ii. Mempunyai potensi untuk meningkatkan perniagaan.

KUMPULAN SASAR

Graduan dan alumni program keusahawanan PROTEGE yang telah mempunyai perniagaan dan dikenal pasti berpotensi tinggi untuk dikembangkan ke peringkat yang lebih tinggi.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Shukri Aiman bin Ismail
shukri.ismail@kuskop.gov.my
03-8883 6406

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOPERASI, PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI



INFO BAHAGIAN

Fungsi Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil (BKPPK) adalah merancang, menyelaras dan melaksanakan program-program pembangunan ekonomi dan pengukuhan koperasi serta menyelaras dan memantau kemajuan dan pemulihan aktiviti ekonomi koperasi termasuk penyediaan garis panduan dan libat urus antara agensi-agensi kerajaan dan pihak berkepentingan. BKPPK juga berperanan dalam menjaga dan menyelaras hal ehwal berhubung pembangunan dan pemerkasaan penjaja dan peniaga kecil di Malaysia selaras dengan dokumen Pelan Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil (2023-2027) yang telah dilancarkan pada Mac 2023.



PROGRAM YANG DITAWARKAN

1. Program Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan (JMKU) KUSKOP Tahun 2025.
2. Program Pembudayaan dan Pemerkasaan Keusahawanan Penjaja dan Peniaga Kecil (EMPOWER PPK).
3. Program Pembiayaan Mikro untuk Penjaja dan Peniaga Kecil (MPPK2.0).
4. Program Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan.

PROGRAM JUALAN MADANI KOPERASI DAN USAHAWAN (JMKU) KUSKOP TAHUN 2025

OBJEKTIF PROGRAM

- Membantu pengguna mengurangkan kos sara hidup dengan menawarkan penjimatan harga sehingga 20% lebih murah berbanding harga pasaran.
- Penyediaan platform pemasaran bagi perniagaan koperasi dan usahawan.

BIDANG FOKUS

Pembangunan ekonomi koperasi dan usahawan menerusi bidang peruncitan dan kepenggunaan.

KUMPULAN SASAR

Koperasi dan Usahawan.

SEKTOR

Peruncitan dan kepenggunaan.

PRODUK DITAWARKAN

Jualan barangan keperluan harian seperti beras, minyak, tepung, gula, telur, daging, ayam dan lain-lain.

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

Tiada pembiayaan. Namun disediakan insentif harga.

KRITERIA KELAYAKAN

Koperasi Borong Runcit dan Usahawan Bimbingan Agensi KUSKOP.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Seksyen Penjaja Dan Peniaga Kecil

sppk.bkppk@kuskop.gov.my
03-8883 6209

PROGRAM PEMBUDAYAAN DAN PEMERKASAAN KEUSAHAWANAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL (EMPOWER PPK)



OBJEKTIF PROGRAM

Membudayakan nilai-nilai keusahawanan dan tatacara perniagaan yang baik kepada penjaja dan peniaga kecil serta memperkasakan perniagaan sedia ada.



BIDANG FOKUS

Menyediakan latihan keusahawanan.



SEKTOR

Pelbagai.



PRODUK DITAWARKAN

Kursus keusahawanan yang bersesuaian kepada penjaja dan peniaga kecil yang baharu dan sedia ada.



KRITERIA KELAYAKAN

Penjaja dan peniaga kecil baharu dan sedia ada.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Seksyen Penjaja dan Peniaga Kecil

sppk.bkppk@kuskop.gov.my
03-8883 6162/6365

PROGRAM PEMBIAYAAN MIKRO UNTUK PENJAJA DAN PENIAGA KECIL (MPPK2.0)

OBJEKTIF PROGRAM

Memberikan pembiayaan (pinjaman) kepada usahawan mikro bagi menambahbaik dan membangunkan semula perniagaan sedia ada.

BIDANG FOKUS

Pembiayaan perniagaan.

KUMPULAN SASAR

Penjaja dan peniaga kecil dan usahawan mikro.

SEKTOR

Pelbagai.

PRODUK DITAWARKAN

Pembiayaan secara syariah.

YURAN PEMPROSESAN

RM5.0 Juta (bergantung kepada baki modal pusingan).

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

1. Pembiayaan (pinjaman) bagi tujuan pemulihan perniagaan seperti modal pusingan, pembelian peralatan/perkakasan, bayaran gaji, bayaran sewa, bil utiliti dan lain-lain.
2. Tiada kadar keuntungan dikenakan ke atas penerima biaya (0%).
3. Kos pengurusan sebanyak 1% atas kutipan yang diterima.

KRITERIA KELAYAKAN

1. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas (tempoh pembiayaan tidak melebihi 65 tahun).
2. Mempunyai lesen/permit daripada Pihak Berkuasa Tempatan atau Daftar Perniagaan (SSM).
3. Terlibat secara langsung atau separuh masa dalam perniagaan yang dijalankan.
4. Mempunyai tempat / lokasi perniagaan yang khusus atau secara bergerak.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Seksyen Penjaja dan Peniaga Kecil

sppk.bkppk@kuskop.gov.my
03-8883 6162/6365

PROGRAM KARNIVAL HARI PENJAJA DAN PENIAGA KECIL PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2025 (HPPK2025)



OBJEKTIF PROGRAM

Sebagai penghargaan kepada penjaja dan peniaga kecil atas sumbangan kepada ekonomi negara.

Sambutan ini juga adalah bersempena Hari Penjaja dan Peniaga Kecil yang jatuh pada 18 November setiap tahun.



KUMPULAN SASAR

Penjaja dan peniaga kecil dan usahawan mikro.



SEKTOR

Pelbagai.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Seksyen Penjaja dan Peniaga Kecil

sppk.bkppk@kuskop.gov.my
03-8883 6162/6365

BAHAGIAN PEMBANGUNAN FRANCAIS DAN VENDOR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI



INFO AGENSI

Bertanggungjawab merancang, menyelaras dan melaksana dalam industri halal, usahawan francais dan industri vendor bagi memperkasa usahawan dalam cabang bidang keusahawanan yang lebih berfokus.



PROGRAM YANG DITAWARKAN

1. Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Industri Halal
2. Program Pembangunan Kapasiti Produk Halal
3. Program Inovasi dan Teknologi Halal
4. Program Pengantarabangsaan Usahawan Halal
5. Geran Penyelidikan dan Pengkomersialan Vendor 2.0
6. Program Pembangunan Kapasiti Vendor 2.0
7. *Enhanced Franchise Development Program* (EFDP)

PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI USAHAWAN INDUSTRI HALAL

OBJEKTIF PROGRAM

- Memandu arah pembangunan sektor secara bersasar dalam industri halal.
- Meningkat keupayaan usahawan dan koperasi dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan halal yang berdaya saing.

BIDANG FOKUS

Industri Halal.

KUMPULAN SASAR

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

SEKTOR

Pembangunan.

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

- Khidmat bimbingan mengenai pensijilan halal Malaysia.
- Membantu pemohon usahawan melalui sistem MYeHALAL JAKIM.
- Memudahcara proses penyediaan dokumen sokongan.
- Melaksana pra-audit sebelum JAKIM/MAIN/JAIN melaksana audit premis.

PRODUK DITAWARKAN

Geran pematuhan pensijilan halal.

YURAN PEMPROSESAN

Jumlah pembiayaan RM10,000 maksimum bagi setiap usahawan.

SYARAT KELAYAKAN

- Berdaftar dengan SSM/Badan Profesional/Pihak Berkuasa atau Pejabat Daerah serta mana-mana yang setaraf dengannya.
- Mempunyai pensijilan halal yang masih berkuatkuasa.
- Syarikat dimiliki oleh 100% warganegara Malaysia (bumiputera dan bukan bumiputera).
- Memenuhi definisi PKS dari segi perolehan dan jualan tahunan.
- Telah beroperasi sekurang-kurangnya enam (6) bulan.
- Telah atau bersedia untuk menjalani penilaian SCORE/ MCORE.
- Berada dalam pasaran sekurang-kurangnya empat (4) bulan.
- Mempunyai potensi untuk pasaran baharu.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor

03-8883 6140

PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI PRODUK HALAL

OBJEKTIF PROGRAM

Meningkatkan kapasiti produk dan perkhidmatan halal dari aspek penjenamaan, pembungkusan dan pelabelan.

BIDANG FOKUS

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

KUMPULAN SASAR

PMKS.

SEKTOR

Pembangunan.

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

- Pembangunan Jenama
- Rekabentuk Pembungkusan/ Pelabelan
- Pendaftaran MyIPO
- Penyediaan Prototaip
- Perkhidmatan Pencetakan
- Penilaian *Outcome*

PRODUK DITAWARKAN

Geran kapasiti produk halal.

YURAN PEMPROSESAN

Maksimum RM30,000/usahawan.

SYARAT KELAYAKAN

- Berdaftar dengan SSM/Badan Profesional/Pihak Berkuasa atau Pejabat Daerah serta mana-mana yang setaraf dengannya.
- Mempunyai pensijilan halal yang masih berkuatkuasa.
- Syarikat dimiliki oleh 100% warganegara Malaysia (bumiputera dan bukan bumiputera).
- Memenuhi definisi PKS dari segi perolehan dan jualan tahunan.
- Telah beroperasi sekurang-kurangnya enam (6) bulan.
- Telah atau bersedia untuk menjalani penilaian SCORE/ MCORE.
- Berada dalam pasaran sekurang-kurangnya empat (4) bulan.
- Mempunyai potensi untuk pasaran baharu.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor

03-88836140

PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI PRODUK HALAL



OBJEKTIF PROGRAM

Menambahbaik sistem pengeluaran menerusi transformasi teknologi sebagai intervensi dalam proses pembuatan produk halal.



BIDANG FOKUS

Industri Halal.



KUMPULAN SASAR

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).



PRODUK DITAWARKAN

Geran program inovasi dan teknologi halal.



YURAN PEMPROSESAN

Maksimum RM200,000/usahawan.



KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

- Pemindahan Teknologi
- Automasi Sistem/Mesin/Digitalisasi
- Khidmat Perundingan/Nasihat Teknikal
- Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan



SYARAT KELAYAKAN

- Mempunyai pensijilan halal yang masih berkuatkuasa.
- Berdaftar dengan SSM/Badan Profesional/Pihak Berkuasa atau Pejabat Daerah serta mana-mana yang setaraf dengannya.
- Syarikat dimiliki oleh 100% warganegara Malaysia (bumiputera dan bukan bumiputera).
- Memenuhi definisi PKS dari segi perolehan dan jualan tahunan.
- Telah beroperasi sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dengan jumlah jualan purata tahunan minima sebanyak RM100,000.
- Telah atau bersedia untuk menjalani penilaian SCORE/ MCORE.
- Mempunyai produk yang berpotensi untuk pasaran yang lebih kompetetif.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor

03-88836140

PROGRAM INOVASI DAN TEKNOLOGI HALAL



OBJEKTIF PROGRAM

Menambahbaik sistem pengeluaran menerusi transformasi teknologi sebagai intervensi dalam proses pembuatan produk halal.



BIDANG FOKUS

Industri Halal.



KUMPULAN SASAR

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).



PRODUK DITAWARKAN

Geran program inovasi dan teknologi halal.



YURAN PEMPROSESAN

Maksimum RM200,000/usahawan.



KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

- Pemindahan Teknologi
- Automasi Sistem/Mesin/Digitalisasi
- Khidmat Perundingan/Nasihat Teknikal
- Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan



SYARAT KELAYAKAN

- Mempunyai pensijilan halal yang masih berkuatkuasa.
- Berdaftar dengan SSM/Badan Profesional/Pihak Berkuasa atau Pejabat Daerah serta mana-mana yang setaraf dengannya.
- Syarikat dimiliki oleh 100% warganegara Malaysia (bumiputera dan bukan bumiputera).
- Memenuhi definisi PKS dari segi perolehan dan jualan tahunan.
- Telah beroperasi sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dengan jumlah jualan purata tahunan minima sebanyak RM100,000.
- Telah atau bersedia untuk menjalani penilaian SCORE/ MCORE.
- Mempunyai produk yang berpotensi untuk pasaran yang lebih kompetetif.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor

03-88836140

PROGRAM PENGANTARABANGSAAN USAHAWAN HALAL



OBJEKTIF PROGRAM

Menyediakan insentif pembiayaan untuk pameran dan ekspo perdagangan di luar negara.



BIDANG FOKUS

Perdagangan luar negara.



KUMPULAN SASAR

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).



SEKTOR

Pembangunan.



PRODUK DITAWARKAN

Geran untuk menyertai program pengantarabangsaan usahawan halal.



YURAN PEMPROSESAN

Tertakluk kepada kos untuk menyertai ekspo di luar negara.



KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

Pembiayaan melibatkan bayaran penyertaan usahawan dalam ekspo dan pameran perdagangan.



SYARAT KELAYAKAN

- Mempunyai pensijilan halal yang masih berkuatkuasa.
- Berdaftar dengan SSM/Badan Profesional/Pihak Berkuasa atau Pejabat Daerah serta mana-mana yang setaraf dengannya.
- Syarikat dimiliki oleh 100% warganegara Malaysia (bumiputera dan bukan bumiputera).
- Memenuhi definisi PKS dari segi perolehan dan jualan tahunan.
- Telah beroperasi sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dengan jumlah jualan purata tahunan minima sebanyak RM100,000.
- Mempunyai produk yang berpotensi untuk pasaran yang lebih kompetetif.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor

03-88836140

GERAN PENYELIDIKAN DAN PENGKOMERSIALAN VENDOR 2.0

OBJEKTIF PROGRAM

- Menggalakkan penghasilan produk/ perkhidmatan baharu oleh syarikat vendor Bumiputera yang fokus terhadap kehendak pasaran.
- Menambahbaik produk/ perkhidmatan dan proses di syarikat vendor Bumiputera untuk mengoptimumkan produktiviti syarikat.

BIDANG FOKUS

Industri Vendor.

KUMPULAN SASAR

Syarikat Vendor Bumiputera.

SEKTOR

Pembangunan.

PRODUK DITAWARKAN

Geran Penyelidikan dan Pengkomersialan Vendor 2.0.

YURAN PEMPROSESAN

Jumlah keseluruhan RM10,000,000 (RM1,000,000 maksimum bagi setiap usahawan).

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

- Perolehan perkakasan/ mesin/ teknologi bagi tujuan penggantian produk/ perkhidmatan yang diimport
- Aktiviti aplikasi IR4.0, re-engineering dan re-designing
- Pengurusan geran.

SYARAT KELAYAKAN

- Entiti perniagaan yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- Berdaftar di bawah syarikat Anchor yang memeterai Kerjasama (MoU) dengan Kerajaan dalam PPV.
- Sekurang-kurangnya 51% saham syarikat dimiliki oleh Bumiputera dan pemilikan saham individu Bumiputera hendaklah melebihi saham individu bukan Bumiputera.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor

03-8883 6140

PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI VENDOR 2.0

OBJEKTIF PROGRAM

- Meningkatkan kapasiti dan keupayaan syarikat vendor Bumiputera agar lebih berdaya saing dan berdaya tahan.
- Meningkatkan peluang syarikat vendor Bumiputera menembusi pasaran domestik dan antarabangsa melalui akreditasi pensijilan dan akses pasaran dan pembiayaan.

BIDANG FOKUS

Industri Vendor.

KUMPULAN SASAR

Syarikat Vendor Bumiputera.

SEKTOR

Pembangunan.

PRODUK DITAWARKAN

Program Pembangunan Kapasiti Vendor 2.0.

YURAN PEMPROSESAN

OBJEKTIF PROGRAM

Memacu pembangunan PKS berpotensi tinggi berdasarkan sektor strategik di bawah Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 dan industri berpertumbuhan tinggi lain. Pembinaan kapasiti melalui khidmat nasihat, penarafan dan bantuan kewangan berbentuk pinjaman mudah.



BIDANG FOKUS

Pembinaan Kapasiti.



KUMPULAN SASAR

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor berimpak tinggi.



SEKTOR

Fokus tahun 2025: Teknologi Nano.



PRODUK DITAWARKAN

Geran Bersamaan.



JUMLAH PEMBIAYAAN

Maksimum RM500,000.00.



SYARAT KELAYAKAN

- Memenuhi definisi PKS
- Minimum 60% ekuiti dimiliki oleh warganegara Malaysia
- Tidak dalam proses kemuflisan *(not be the subject of a liquidation/ winding up/bankruptcy order)*



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.smecorp.gov.my

Bahagian Pembangunan Sektoral dan Adaptasi Teknologi, SME Corp. Malaysia

prestige@smecorp.gov.my

Talian Info: 03-9213 0077
Faks: 03-2775 6001

PROGRAM EKOSISTEM PKS INKLUSIF (I-SEE)



OBJEKTIF PROGRAM

Menggalakkan penciptaan atau inovasi produk yang boleh memperkasa kumpulan sasar seperti B40, belia, OKU, warga emas dan luar bandar dengan memanfaatkan elemen inovasi. Bantuan disediakan dalam bentuk geran kepada inovator PMKS bagi memperkasa kumpulan sasar dan menggalakkan transformasi komuniti menerusi bimbingan dan sokongan teknikal.



BIDANG FOKUS

Penerapan Inovasi dan Teknologi.



KUMPULAN SASAR

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).



SEKTOR

Semua sektor ekonomi.



PRODUK DITAWARKAN

Geran.



JUMLAH PEMBIAYAAN

Maksimum RM200,000.00.



SYARAT KELAYAKAN

- Berdaftar dengan SSM/ROB atau Ordinan Perlesenan Perdagangan 1948 (Sabah dan Sarawak).
- Mempunyai 100% ekuiti tempatan.
- Mempunyai premis perniagaan yang sah.
- Memenuhi lima (5) kriteria kelayakan bagi produk berinovasi:
  - Mampu milik
  - Mampan
  - Berskala
  - Berkualiti tinggi
  - Boleh digunakan dengan segera



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.smecorp.gov.my

Bahagian Pembangunan Sektoral dan Adaptasi Teknologi, SME Corp. Malaysia

urusetiaisee@smecorp.gov.my

Talian Info: 03-9213 0077
Faks: 03-2775 6001

TEKUN NASIONAL



INFO AGENSI

TEKUN Nasional adalah sebuah institusi pembangunan usahawan yang berperanan menyediakan kemudahan pembiayaan modal kecil perniagaan (micro credit) dengan mudah dan cepat. Matlamat TEKUN Nasional adalah untuk mempertingkatkan lagi penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.



PROGRAM YANG DITAWARKAN

1. Skim Pembiayaan TEKUN Niaga
2. Skim Pembiayaan TEMAN TEKUN
3. Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI)
4. Skim Pembiayaan Kontrak-i
5. Skim Pembangunan Usahawan Tamu (SPUT)

SKIM PEMBIAYAAN TEKUN NIAGA



OBJEKTIF PROGRAM

Kemudahan pembiayaan mudah sebagai modal pusingan perniagaan.



BIDANG FOKUS

Akses kepada pembiayaan.



SEKTOR

- Peruncitan
- Perkhidmatan
- Pembuatan
- Kontraktor Kecil
- Pertanian & Perusahaan Asas Tani
- Perniagaan *Online*



KUMPULAN SASAR

Usahawan mikro.



TEMPOH BAYARAN BALIK

Tempoh bayaran balik pinjaman adalah antara 6 bulan hingga 10 tahun.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.tekun.gov.my

Puan Noor Haslinda Md Arshad
03-9059 8888

tekunasional

tekunasional

TEKUNasional



SYARAT KELAYAKAN

- Bumiputera dan Warganegara Malaysia (Masyarakat India bagi SPUMI).
- Berumur 18 - 65 tahun (tempoh pembiayaan tamat sehingga 65 tahun).
- Pemohon bukan seorang muflis.
- Syarikat 100% hak milik Bumiputera dan warganegara Malaysia (Syarikat 100% hak milik Masyarakat India bagi SPUMI).
- Mempunyai Lesen/Permit/Daftar Perniagaan (SSM)/Sijil Perakuan Amalan (Program Profesional Muda) yang sah dan masih belum tamat tempoh. Untuk informal, pengesahan menjalankan perniagaan daripada Pengerusi Majlis Pembangunan Usahawan Dan Koperasi Parlimen (MPUKP)/ Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)/ Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Penghulu/ Ketua Kaum (Sabah & Sarawak) atau kupon/permit perniagaan oleh Jawatankuasa Penganjur bagi perniagaan pasar malam, pasar tani atau pasar tamu.
- Mempunyai tempat/lokasi perniagaan yang khusus/berniaga secara bergerak (mobile)/atas talian (online).
- Terlibat secara langsung/separuh masa dalam perniagaan.
- Satu pembiayaan bagi satu isi rumah (kecuali perniagaan yang berasingan dan daftar perniagaan yang berlainan) (kecuali Program Profesional Muda).
- Had modal berbayar tidak melebihi RM300,000 (kecuali Program Profesional Muda dan Kontrak-i; RM500,000).
- Bagi pembelian kenderaan komersial/jentera berat, jumlah pembiayaan adalah 10% daripada harga kenderaan komersial/jentera berat (tertakluk kepada aliran tunai dan kedudukan kewangan pemohon).
- Bagi pemilikan Perkongsian, perlu mendapat surat kebenaran rakan kongsi yang membenarkan pemohon membuat pembiayaan.
- Bagi pemilikan Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd) wajib menyediakan Resolusi Syarikat mengikut format yang disediakan.
- Aktiviti utama perniagaan usahawan mestilah patuh Syariah.

SKIM PEMBIAYAAN TEMAN TEKUN

OBJEKTIF PROGRAM

Menggunakan konsep berkumpulan bagi menyediakan kemudahan pembiyaan dengan lebih mudah, cepat dan efisien untuk keperluan perniagaan.

BIDANG FOKUS

Akses kepada pembiayaan.

KUMPULAN SASAR

Usahawan.

JUMLAH & TEMPOH BAYARAN BALIK

- Pembiayaan kali pertama had maksimum RM7,000
- Pembiayaan kali kedua had maksimum RM14,000
- Pembiayaan kali ketiga had maksimum RM20,000
- Nilai pembiayaan hendaklah dipersetujui oleh ahli kumpulan dan PSAT

BAYARAN BALIK

- Kutipan bayaran balik dilaksanakan semasa Perjumpaan Setempat Ahli TEMAN (PSAT) setiap minggu.
- Berkonsepkan jaminan kerjasama di antara ahli kumpulan dan PSAT.
- Ikrar TEMAN TEKUN dibaca pada setiap perjumpaan mingguan.

SEKTOR

Semua sektor.

SYARAT KELAYAKAN

- Bumiputera.
- Berumur 18 - 65 tahun.
- Telah menjalankan perniagaan, mempunyai cadangan atau rancangan perniagaan usaha niaga yang berpotensi dan berdaya maju.
- Mempunyai lesen/Permit/Daftar Perniagaan (SSM) yang sah.
- Permohonan pembiayaan RM5,000 dan kebawah, boleh dipohon dengan mengisi Borang Pengesahan Peniagaan tanpa mengemukakan Pendaftaran Perniagaan (SSM) yang sah.
- Mempunyai tempat/lokasi perniagaan yang khusus atau berniaga secara bergerak (mobile).
- Pembiayaan perniagaan sedia ada dengan institusi kewangan lain tidak melebihi RM50,000.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Puan Noor Haslinda Md Arshad
03-9059 8888

tekunasional

tekunasional

TEKUNasional

SKIM PEMBANGUNAN USAHAWAN MASYARAKAT INDIA (SPUMI)



OBJEKTIF PROGRAM

Objektif skim ini adalah untuk menggalakkan penyertaan masyarakat India menceburkan diri dalam bidang perniagaan secara inovatif di samping merangsang bidang keusahawanan di Malaysia.



BIDANG FOKUS

Akses kepada pembiayaan.



KUMPULAN SASAR

Usahawan.



SEKTOR

- Peruncitan
- Perkhidmatan
- Pembuatan
- Kontraktor Kecil
- Pertanian & Perusahaan Asas Tani
- Perniagaan Online



JUMLAH & TEMPOH BAYARAN BALIK

Tempoh bayaran balik pinjaman adalah antara 6 bulan hingga 10 tahun.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.tekun.gov.my

Puan Noor Haslinda Md Arshad
03-9059 8888

tekunasional

tekunasional

TEKUNasional



- Masyarakat India dan Warganegara Malaysia.
- Berumur 18 - 65 tahun (tempoh pembiayaan tamat sehingga 65 tahun).
- Pemohon bukan seorang muflis.
- Syarikat 100% hak milik Masyarakat India dan warganegara Malaysia
- Mempunyai Lesen/Permit/Daftar Perniagaan (SSM)/Sijil Perakuan Amalan (Program Profesional Muda) yang sah dan masih belum tamat tempoh. Untuk informal, pengesahan menjalankan perniagaan daripada Pengerusi Majlis Pembangunan Usahawan Dan Koperasi Parlimen (MPUKP)/ Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)/ Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Penghulu/ Ketua Kaum (Sabah & Sarawak) atau kupon/permit perniagaan oleh Jawatankuasa Penganjur bagi perniagaan pasar malam, pasar tani atau pasar tamu.
- Mempunyai tempat/lokasi perniagaan yang khusus/berniaga secara bergerak (mobile)/atas talian (online).
- Terlibat secara langsung/separuh masa dalam perniagaan.
- Satu pembiayaan bagi satu isi rumah (kecuali perniagaan yang berasingan dan daftar perniagaan yang berlainan) (kecuali Program Profesional Muda).
- Had modal berbayar tidak melebihi RM300,000 (kecuali Program Profesional Muda dan Kontrak-i; RM500,000).
- Bagi pembelian kenderaan komersial/jentera berat, jumlah pembiayaan adalah 10% daripada harga kenderaan komersial/ jentera berat (tertakluk kepada aliran tunai dan kedudukan kewangan pemohon).
- Bagi pemilikan Perkongsian, perlu mendapat surat kebenaran rakan kongsi yang membenarkan pemohon membuat pembiayaan.
- Bagi pemilikan Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd) wajib menyediakan Resolusi Syarikat mengikut format yang disediakan.
- Aktiviti utama perniagaan usahawan mestilah patuh Syariah.

SKIM PEMBIAYAAN KONTRAK-i



OBJEKTIF PROGRAM

Pemfaktoran adalah instrumen kewangan yang membolehkan sebuah syarikat mendapatkan pembiayaan dengan mencagarkan kontrak perkhidmatan dan pembekalan. Instrumen ini dapat membantu mengekalkan aliran tunai pusingan bagi perniagaan usahawan. Skim ini adalah merupakan proses untuk membiayai kontrak dan pembekalan secara terus yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan , Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Penerima Biaya tidak perlu menunggu bayaran daripada pemberi kontrak sehingga kontrak selesai dilaksanakan.

Objektif:

- Pembiayaan melalui pemfaktoran bertujuan menyediakan kemudahan pembiayaan segera kepada usahawan yang telah mendapat kontrak kerja tetapi kurang modal.
- Memberi altenatif kepada usahawan untuk mendapat modal tambahan dengan cepat.
- Untuk membiayai kontrak dan pembekalan secara terus yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).



BIDANG FOKUS

Akses kepada pembiayaan.



KUMPULAN SASAR

Usahawan.



SEKTOR

Semua sektor.



JUMLAH & TEMPOH PEMBIAYAAN

Jumlah Pembiayaan: RM1,000 - RM5,000.

6 bulan sehingga 12 bulan.



BAYARAN BALIK

Kutipan bayaran dilaksanakan semasa Perjumpaan Setempat Ahli TEMAN (PSAT) setiap minggu.

Berkonsepkan jaminan kerjasama di antara ahli kumpulan dan PSAT.

Ikrar TEMAN TEKUN dibaca pada setiap perjumpaan mingguan.



SYARAT DAN ASAS PEMBIAYAAN

- Warganegara Malaysia & Bumiputera
- Negeri Sabah & Sarawak
- Berumur 18 - 65 tahun
- Menjalankan perniagaan di Pasar Tamu di Sabah dan Sarawak
- Mempunyai lesen/Permit/Daftar
- Perniagaan (SSM)/Borang Pengesahan Peniagaan yang sah
- Mempunyai tempat/lokasi perniagaan yang khusus atau berniaga secara bergerak (mobile)
- Pembiayaan perniagaan sedia ada dengan institusi kewangan lain tidak melebihi RM50,000

SYARAT TAMBAHAN

- Membentuk kumpulan lima (5) orang usahawan (lelaki atau wanita) dari kenalan/rakan perniagaan yang boleh dipercayai.
- Ahli keluarga terdekat tidak dibenarkan dalam satu kumpulan.
- Ahli kumpulan boleh merangkumi pelbagai jenis aktiviti perniagaan yang sah di sisi undang-undang.
- Perniagaan atau tempat tinggal ahli kumpulan hendaklah berdekatan antara satu sama lain.
- Menghadiri Perjumpaan Setempat Ahli TEMAN (PSAT) setiap minggu.
- Perlindungan di bawah Takaful Pembiayaan dan Takaful Hayat & Kemalangan.
- Kadar keuntungan TEKUN 4% daripada nilai pembiayaan setiap tahun sepanjang tempoh pembiayaan.
- Simpanan wajib setiap minggu.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.tekun.gov.my

Puan Noor Haslinda Md Arshad
603-9059 8888

tekunasional

tekunasional

TEKUNasional

INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA BERHAD (INSKEN)

INFO AGENSI

Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) menawarkan inisiatif pembangunan kapasiti usahawan melalui program latihan dan bimbingan.

Selaras dengan tagline “Membangun Usahawan MADANI” INSKEN berwawasan untuk memantapkan perniagaan usahawan yang berdaya maju, lestari, mapan di samping merealisasikan serta mengukuhkan lagi ekosistem keusahawanan negara melalui program-program pembangunan kapasiti yang didorong industri melalui usahasama swasta-awam, pemain industri dan pelbagai agensi. Ini adalah bertujuan untuk memastikan keperluan dan kepelbagaian rentas sektor semasa dapat dipenuhi. INSKEN turut berkolaborasi bersama pengamal industri, golongan profesional dan agensi kerajaan bagi melaksanakan program-program pembangunan kapasiti serta memastikan program keusahawanan yang dijalankan kekal relevan serta mengikut keperluan industri.

Sehingga tahun 2024, INSKEN telah berjaya melatih lebih 128,423 usahawan melalui 3,576 program latihan, bimbingan dan konsultasi bisnes.



PROGRAM YANG DITAWARKAN

Latihan

1. Kursus Urus Tunai (KUT)
2. Kursus Asas Keusahawanan (KAK)
3. Kursus Asas Keusahawanan Sosial (KAK Se)
4. Kursus Asas Industri
5. Kursus Asas Pembangunan Produk dan Servis (KAPPS)
6. Program Latihan INSKEN (Jualan & Pemasaran, Operasi Perniagaan)
7. Program Pembangunan Asas Bisnes (KUASA)

Bimbingan

1. INSKEN Bumiputera Business Coaching (IBBC)
2. Program Bimbingan Pembangunan Produk
3. Program Bimbingan Pengurusan Kewangan
4. Program Bimbingan Pemasaran
5. Program Bimbingan Pengurusan Pekerja

Seminar

1. Seminar Pengenalan Keusahawanan (SPK)
2. Seminar SE
3. Seminar Asas Pembangunan Produk & Servis (SAPPS)
4. Seminar E-Invois
5. Seminar INSKEN *Business Outreach* (IBO)

Konsultasi

1. INSKEN *BizClinic*

KURSUS URUS TUNAI (KUT)



OBJEKTIF PROGRAM

Kursus Urus Tunai (KUT) merupakan sebuah program yang memberi pendedahan kepada usahawan atau bakal usahawan tentang ilmu asas kewangan serta penerapan budaya merekod aliran tunai perniagaan.



BIDANG FOKUS

- Pendedahan terhadap kepentingan dokumen kewangan (Contoh: invois, resit dan lain-lain).
- Merekod transaksi secara sistematik.
- Mengukur dan menganalisa tahap prestasi perniagaan.
- Mampu membuat keputusan yang terbaik dalam perniagaan.



KUMPULAN SASAR

- Bakal Usahawan
- Usahawan Permulaan
- Usahawan Sedia Ada
- Usahawan Tidak Formal
- Usahawan Mikro



SEKTOR

Semua sektor dan industri.



SYARAT KELAYAKAN

Terbuka kepada rakyat Malaysia.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN (KAK)



OBJEKTIF PROGRAM

Kursus Asas Keusahawanan (KAK) merupakan sebuah program yang dapat membantu usahawan dan bakal usahawan dalam mendalami ilmu asas keusahawanan sebelum memulakan perniagaan.



BIDANG FOKUS

- Dilaksanakan selama 2 hari secara fizikal
- Modul latihan merangkumi:
  1. Ujian psikometrik yang bertujuan melihat tahap kecenderungan peserta terhadap perniagaan.
  2. Panduan pendaftaran perniagaan.
  3. Pengurusan operasi (sumber manusia dan operasi perniagaan).
  4. Pengurusan aktiviti pemasaran dan jualan secara atas talian.
  5. Rancangan Perniagaan.
- Tenaga pengajar yang dilantik adalah terdiri daripada BisKaunselor INSKEN



KUMPULAN SASAR

- Bakal Usahawan
- Usahawan Permulaan
- Usahawan Sedia Ada
- Usahawan Tidak Formal
- Usahawan Perusahaaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)



SEKTOR

Semua sektor dan industri.



SYARAT KELAYAKAN

Terbuka kepada rakyat Malaysia.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN SOSIAL (KAK Se)



OBJEKTIF PROGRAM

Kursus Asas Keusahawanan Sosial (KAK Se) merupakan sebuah program yang memberi pendedahan tentang ilmu perniagaan dan maklumat berkaitan keusahawanan sosial kepada usahawan dan bakal usahawan yang berminat.



KUMPULAN SASAR

Usahawan atau bakal usahawan yang berminat untuk menjalankan perniagaan berasaskan keusahawanan sosial.



SEKTOR

Semua sektor dan industri.



PRODUK DITAWARKAN

Tidak berkaitan.



BIDANG FOKUS

- Dilaksanakan selama 2 hari secara fizikal.
- Modul latihan merangkumi:
  1. Ujian psikometrik yang bertujuan melihat tahap kecenderungan peserta terhadap perniagaan.
  2. Ilmu asas perniagaan yang merangkumi topik pentadbiran, operasi, pemasaran dan kewangan.
  3. Kriteria penarafan perusahaan sosial di Malaysia.
  4. Ciri-ciri berdasarkan Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia (SEMy2030) yang merangkumi:
     i. Model perniagaan
     ii. Matlamat keusahawanan sosial (misi sosial dan/atau alam sekitar yang ingin diselesaikan oleh perniagaan)
     iii. Kumpulan sasar atau penerima manfaat
     iv. Jenis bantuan yang diberikan kepada kumpulan sasar
  5. Pengukuran keberkesanan impak sosial kepada penerima manfaat.
- Peserta berpeluang untuk mempelajari ilmu terus daripada tenaga pengajar yang dilantik terdiri daripada usahawan yang berpengalaman luas dalam keusahawanan sosial.



SYARAT KELAYAKAN

Terbuka kepada rakyat Malaysia.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

KURSUS ASAS INDUSTRI

OBJEKTIF PROGRAM

Kursus Asas Industri merupakan sebuah program yang memberi pengenalan kepada asas industri termasuk latihan praktikal dan pengurusan asas perniagaan.

BIDANG FOKUS

Program 3 hari yang merangkumi 2 hari latihan dan 1 hari lawatan ini memberi fokus kepada:

1. Pengetahuan yang berkaitan dengan cabaran dan trend semasa.
2. Memberikan pengalaman sebenar kepada usahawan serta bakal usahawan.
3. Asas pengurusan perniagaan.

KUMPULAN SASAR

- Bakal Usahawan
- Usahawan Permulaan
- Usahawan Sedia Ada
- Usahawan Tidak Formal
- Usahawan dalam sektor industri yang sama
- Usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)

PRODUK DITAWARKAN

Tidak berkaitan.

SEKTOR

Perkhidmatan: Spa, Kecantikan & Kesihatan (Beauty & Wellness), Jahitan, Pencetakan, Penjagaan Warga Emas, Pengurusan Acara, Pertukangan (Handyman), Aircond, Kereta Sewa, Bengkel Motosikal, Akademi Sukan (Sports Academy).

Profesional: Klinik, Farmasi, Firma Guaman.

Makanan & Minuman: Penjaja & Gerai Makanan, Kafé & Restoran, Bakeri, Pengeluar Makanan

Pelancongan: *Ecotourism*.

SYARAT KELAYAKAN

Terbuka kepada rakyat Malaysia.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

KURSUS ASAS PEMBANGUNAN PRODUK & SERVIS (KAPPS)

OBJEKTIF PROGRAM

Kursus Asas Pembangunan Produk & Servis (KAPPS) merupakan sebuah program yang memberi kefahaman secara teori dan asas kepada bakal usahawan serta usahawan sedia ada yang ingin membangunkan produk atau perkhidmatan berdasarkan kehendak pasaran merangkumi enam komponen iaitu:

1. Analisa Pasaran
2. Prototaip
3. Validasi Produk & Pasaran
4. Pengeluaran (Penyumberan). Pengiraan Kos & Perletakan Harga)
5. Pengkomersialan
6. Kitar Hayat Produk/Servis

BIDANG FOKUS

Semua jenis produk dan perkhidmatan rentas industri.

KUMPULAN SASAR

- Bakal Usahawan
- Usahawan Permulaan
- Usahawan Sedia Ada
- Usahawan Tidak Formal
- Usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)

SEKTOR

Semua sektor.

SYARAT KELAYAKAN

Terbuka kepada rakyat Malaysia.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

PROGRAM LATIHAN INSKEN (JUALAN & PEMASARAN, OPERASI PERNIAGAAN)

OBJEKTIF PROGRAM

Program latihan INSKEN dilaksanakan untuk usahawan mengembangkan dan memperkukuhkan operasi perniagaan dengan memfokuskan kepada:

1. Jualan dan Pemasaran
2. Operasi Perniagaan
3. Pengurusan Kewangan
4. Pengurusan Pentadbiran

BIDANG FOKUS

- Jualan & Pemasaran
  (Contoh program: Teknik Mendapatkan Jualan, Hasilkan Gambar Menarik Menggunakan *Smartphone*, Pemasaran *E-Marketplace*: Shopee dan lain-lain)
- Operasi perniagaan
  (Contoh program: SOP F&B Untuk Perniagaan Kecil, Rancangan Perniagaan)

KUMPULAN SASAR

- Bakal Usahawan
- Usahawan Permulaan
- Usahawan Sedia Ada
- Usahawan Tidak Formal
- Usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)

SEKTOR

Semua sektor dan industri.

SYARAT KELAYAKAN

Terbuka kepada rakyat Malaysia.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

PROGRAM PEMBANGUNAN ASAS BISNES (KUASA)

OBJEKTIF PROGRAM

Program Pembangunan Asas Bisnes (KUASA) dilaksanakan selama tiga (3) bulan direka khusus untuk membantu usahawan dalam memahami asas keusahawanan, memperkukuh pengetahuan dan kemahiran dalam pembangunan produk/perkhidmatan secara terperinci, serta menguasai ilmu asas kewangan.

Sepanjang program dijalankan, peserta akan dilatih merekod transaksi tunai, mengurus stok secara sistematik, serta mengaplikasikan strategi pemasaran dan pembangunan produk/perkhidmatan.

BIDANG FOKUS

Modul latihan merangkumi;

1. Ujian psikometrik (MyNept)
2. Ilmu asas perniagaan merangkumi topik pemasaran, operasi, kewangan dan pentadbiran
3. Business Model Canvas (BMC)
4. Rancangan Perniagaan
5. Google Business Profile (GBP)
6. Kanvas Pembangunan Produk & Servis (KPPS)
7. Analisa Pasaran bagi produk/servis perniagaan
8. Rekod Tunai dan Rekod Stok

Tenaga pengajar yang dilantik adalah terdiri daripada BisKaunselor INSKEN

KUMPULAN SASAR

- Bakal Usahawan
- Usahawan Permulaan
- Usahawan Sedia Ada
- Usahawan Tidak Formal
- Usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)

SEKTOR

Semua sektor dan industri.

SYARAT KELAYAKAN

Terbuka kepada rakyat Malaysia.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

INSKEN BUMIPUTERA *BUSINESS COACHING* (IBBC)

OBJEKTIF PROGRAM

INSKEN Bumiputera Business Coaching (IBBC) merupakan sebuah program bimbingan usahawan bagi meningkatkan skala perniagaan ke peringkat lebih tinggi melalui bimbingan secara *one-on-one* oleh *Industry Coach* serta latihan khusus teknikal perniagaan dalam tempoh 3 hingga 4 bulan.

Program ini mensasarkan:

1. Peningkatan hasil jualan minimum 25%
2. Cipta peluang pekerjaan baharu
3. Peningkatan status perusahaan dari mikro kepada kecil
4. Peningkatan margin keuntungan minimum 10% (bagi industri kafe & restoran)

BIDANG FOKUS

Pembangunan Kapasiti.

KUMPULAN SASAR

- Terbuka kepada semua usahawan
- Usahawan sedia ada
- Usahawan memiliki perniagaan sekurang-kurangnya 2 tahun

SYARAT KELAYAKAN

- Telah beroperasi dalam perniagaan sekurang-kurangnya 2 tahun
- Mempunyai rekod jualan
- Aktif dalam menjalankan perniagaan

SEKTOR

Perkhidmatan:

- *Barbershop*
- *Postnatal*
- Spa
- *Laundry & Cleaning Services*
- Bengkel Kereta
- Jahitan & Fesyen
- *Tuition Centre*
- *Air-Cond* & Servis Berkaitan
- *Wedding Planner*
- *Childhood Care & Education*
- Pencetakan & Servis Berkaitan
- *Pet Care*
- Kedai Runcit

Pelancongan:

- *Homestay*
- *Ecotourism*

Makanan & Minuman:

- Jualan Pasaraya
- Kafe & Restoran
- *Food Truck*
- Bakeri
- *Catering*
- Kiosk Vendor

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

PROGRAM BIMBINGAN PEMBANGUNAN PRODUK



OBJEKTIF PROGRAM

Program Bimbingan Pembangunan Produk merupakan salah satu program bimbingan baharu jangka masa pendek yang diperkenalkan oleh INSKEN pada tahun 2025 dan dilaksanakan dalam tempoh dua (2) bulan bagi membantu para pemilik perniagaan melaksanakan pelan penambahbaikan produk setelah mengaplikasikan enam (6) komponen utama pembangunan produk yang dipelajari sebelum ini.

Peserta akan diberikan bimbingan intensif secara dalam talian dengan pakar yang berpengalaman. Pada penghujung program, peserta dijangka dapat menambahbaik produk mereka melalui empat (4) aspek utama: harga atau margin keuntungan, kuantiti, pembungkusan, serta kualiti produk yang ditawarkan.



BIDANG FOKUS

- Semakan semula kanvas pembangunan produk atau servis
- Teknik penetapan harga
- Pelan penambahbaikan produk atau servis yang ditawarkan



KUMPULAN SASAR

Usahawan dan pemilik perniagaan yang mempunyai pendaftaran perniagaan yang sah dan ingin menambahbaik produk.



SEKTOR

Produk dan servis.



SYARAT KELAYAKAN

- Mempunyai pendaftaran perniagaan yang sah.
- Terbuka kepada semua usahawan yang mempunyai produk/servis.
- Keutamaan kepada usahawan yang pernah mengikuti Kursus Asas Pembangunan Produk & Servis (KAPPS) atau Seminar Asas Pembangunan Produk & Servis (SAPPS).



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

PROGRAM BIMBINGAN PENGURUSAN KEWANGAN

OBJEKTIF PROGRAM

Program Bimbingan Pengurusan Kewangan merupakan salah satu program bimbingan baharu jangka masa pendek yang diperkenalkan oleh INSKEN pada tahun 2025 dan dilaksanakan dalam tempoh dua (2) bulan bagi membantu para pemilik perniagaan untuk memahami dan mempelajari tatacara penyediaan dokumen penting berkaitan kedudukan kewangan syarikat melalui penyediaan penyata kewangan syarikat. Program ini juga dijangka dapat membantu para pemilik perniagaan untuk lebih bersedia ke arah membuat pemfailan cukai secara konsisten.

Peserta akan diberikan bimbingan intensif secara dalam talian dengan pakar yang berpengalaman. Pada penghujung program, peserta dijangka dapat menyediakan penyata kewangan syarikat bagi tahun sebelumnya.

BIDANG FOKUS

- Penyediaan penyata untung rugi dan kunci kira-kira.
- Pengurusan rekod kewangan.
- Pengiraan cukai dan zakat perniagaan/pendapatan.
- Persediaan untuk pemfailan cukai.

KUMPULAN SASAR

Usahawan dan pemilik perniagaan yang mempunyai pendaftaran perniagaan yang sah dan ingin mempelajari tatacara penyediaan penyata kewangan secara konsisten.

SEKTOR

Pelbagai industri.

SYARAT KELAYAKAN

- Mempunyai pendaftaran perniagaan yang sah.
- Mempunyai rekod aliran tunai sekurang-kurangnya satu (1) tahun kebelakang/sebelum.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

PROGRAM BIMBINGAN PEMASARAN

OBJEKTIF PROGRAM

Program Bimbingan Pemasaran merupakan salah satu program bimbingan baharu jangka masa pendek yang diperkenalkan oleh INSKEN pada tahun 2025 dan dilaksanakan dalam tempoh dua (2) bulan bertujuan untuk membantu para pemilik perniagaan merangka pelan pemasaran tahunan yang ideal bagi melonjakkan perniagaan serta menyediakan kalendar pemasaran yang komprehensif melalui pelan pemasaran yang dipilih.

Peserta akan diberikan bimbingan intensif secara dalam talian dengan pakar yang berpengalaman. Pada penghujung program, peserta dijangka dapat menyediakan pelan pemasaran tahunan syarikat serta bahan pemasaran yang diingini.

BIDANG FOKUS

- Strategi pemasaran yang berkesan untuk meningkatkan jualan.
- Teknik pemasaran terkini.
- Penyediaan kanvas pemasaran tahunan.

KUMPULAN SASAR

Usahawan dan pemilik perniagaan yang mempunyai pendaftaran perniagaan yang sah dan ingin mempunyai pelan pemasaran tahunan yang berstruktur.

SEKTOR

Pelbagai industri.

SYARAT KELAYAKAN

- Mempunyai pendaftaran perniagaan yang sah.
- Terbuka kepada semua usahawan yang berminat.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

PROGRAM BIMBINGAN PENGURUSAN PEKERJA

OBJEKTIF PROGRAM

Program Bimbingan Pengurusan Pekerja merupakan salah satu program bimbingan baharu jangka masa pendek yang diperkenalkan oleh INSKEN pada tahun 2025 dan dilaksanakan dalam tempoh satu (1) bulan bertujuan untuk membantu para pemilik perniagaan dalam memahami serta menguasai akta-akta dan undang-undang berkaitan pekerja serta kaitannya dengan PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana) untuk memastikan para pekerja syarikat mendapat perlindungan, hak dan faedah yang sewajarnya sesuai dengan perundangan yang ditetapkan.

Peserta akan diberikan bimbingan intensif secara dalam talian dengan pakar yang berpengalaman.

BIDANG FOKUS

- Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022), Akta KWSP 1991, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.
- Proses pengambilan dan pemberhentian pekerja mengikut prosedur yang betul.
- Pengurusan gaji dan faedah pekerja mengikut undang-undang.

KUMPULAN SASAR

Usahawan dan pemilik perniagaan yang mempunyai pendaftaran perniagaan yang sah dan ingin mempelajari serta memahami tatacara pengurusan pekerja mengikut undang-undang yang sah.

SEKTOR

Pelbagai industri.

SYARAT KELAYAKAN

- Mempunyai pendaftaran perniagaan yang sah
- Terbuka kepada semua usahawan yang berminat dan mempunyai sekurang-kurangnya 1 orang pekerja

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

SEMINAR PENGENALAN KEUSAHAWANAN (SPK)



OBJEKTIF PROGRAM

Seminar yang memberikan pendedahan awal dalam ilmu asas keusahawanan sebelum memulakan perniagaan.



BIDANG FOKUS

Program sehari yang memfokuskan kepada:

- Minda Usahawan
- *Business Model Canvas* (BMC)
- Pemasaran Dalam Perniagaan



KUMPULAN SASAR

Terbuka kepada semua warganegara Malaysia.



SEKTOR

Keusahawanan.



SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia
- Tidak tertakluk pada had umur



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

SEMINAR SOCIAL ENTERPRISE (SE)



OBJEKTIF PROGRAM

Seminar SE merupakan sebuah program yang memberi pendedahan tentang ilmu dan maklumat berkaitan keusahawanan sosial kepada usahawan dan bakal usahawan yang berminat.



BIDANG FOKUS

Dilaksanakan selama satu (1) hari secara fizikal.

Modul latihan merangkumi:

1. Perbezaan antara elemen *Corporate Social Responsibility* (CSR) dalam perusahaan biasa, *Non-Governmental Organisation* NGO dan perusahaan sosial
2. Model perniagaan yang digunakan dalam keusahawanan sosial, misi sosial, kumpulan sasar dan jenis bantuan yang diberikan kepada kumpulan sasar
3. Contoh-contoh perusahaan sosial yang telah diberi penarafan di Malaysia
4. Kriteria penarafan perusahaan sosial di Malaysia
5. Perkongsian daripada pemain industri yang berkaliber dalam bidang keusahawanan sosial
   Peserta berpeluang untuk mempelajari ilmu terus daripada tenaga pengajar yang dilantik terdiri daripada usahawan yang berpengalaman luas dalam keusahawanan sosial



KUMPULAN SASAR

Terbuka kepada usahawan dan bakal usahawan yang berminat untuk menjalankan perniagaan berasaskan keusahawanan sosial.



SEKTOR

Terbuka kepada semua sektor.



SYARAT KELAYAKAN

Terbuka kepada rakyat Malaysia.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

SEMINAR ASAS PEMBANGUNAN PRODUK DAN SERVIS (SAPPS)

OBJEKTIF PROGRAM

Seminar Asas Pembangunan Produk dan Servis merupakan seminar satu (1) hari yang memberi pendedahan tentang teknik membangunkan produk dan servis serta cara melonjakkan hasil jualan dengan menembusi pasaran baharu.

BIDANG FOKUS

1. Analisa Pasaran
2. Prototaip
3. Validasi Produk & Pasaran
4. Pengeluaran (Penyumberan, Pengiraan Kos & Perletakan Harga)
5. Pengkomersialan
6. Kitar Hayat Produk/Servis

KUMPULAN SASAR

Terbuka kepada semua usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

SEKTOR

Produk dan servis.

SYARAT KELAYAKAN

Terbuka kepada semua usahawan.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

SEMINAR E-INVOIS



OBJEKTIF PROGRAM

Seminar e-Invois sehari untuk memberi pemahaman asas tentang konsep e-Invois, kepentingan digitalisasi invois, dan faedah kepada perniagaan dan kerajaan.



BIDANG FOKUS

- Pengenalan e-Invois
- Keperluan dan Panduan Pelaksanaan e-Invois
- Penyatuan e-Invois dan e-Invois Kendiri
- Penilaian Kesediaan Masa Depan



KUMPULAN SASAR

Terbuka kepada semua usahawan dan pemilik perniagaan.



SEKTOR

Semua sektor.



SYARAT KELAYAKAN

Terbuka kepada semua usahawan.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

SEMINAR IBO (FAMILY BUSINESS)

OBJEKTIF PROGRAM

"*INSKEN Business Outreach*" untuk Tahun 2025 memfokuskan tentang Pengukuhan Perniagaan Keluarga di Malaysia dengan tema yang dicadangkan "Melangkaui Kekayaan Kewangan".

Program ini akan menangani cabaran utama yang dihadapi oleh perniagaan keluarga, termasuk perancangan penggantian, tadbir urus dan pemodenan, sambil menggalakkan kerjasama dan rangkaian dalam kalangan peserta.

Seminar sehari ini menyajikan kisah-kisah inspirasi dan pandangan strategik, merangkumi perspektif semasa dan masa depan, mengenai keperluan untuk memacu kejayaan perniagaan keluarga serta langkah-langkah efektif yang telah membawa tokoh-tokoh perniagaan keluarga ini berkembang ke pelbagai sektor ekonomi.

BIDANG FOKUS

- Amalan Tadbir Urus Terbaik dalam Perniagaan Keluarga: Amalan Islamik & Konvensional.
- Kepimpinan, Legasi & Halatuju dalam Perniagaan Keluarga.
- "*Succession Planning & Future*".

KUMPULAN SASAR

- Pemilik Perniagaan
- Usahawan
- Pemain Industri
- Eksekutif Kanan (Termasuk Eksekutif Bukan Ahli Keluarga dan Ahli Lembaga Bukan Ahli Keluarga)
- Pemegang Saham Perniagaan Milik Keluarga
- Usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)

SEKTOR

Semua sektor.

SYARAT KELAYAKAN

Terbuka kepada semua usahawan.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

INSKEN BIZCLINIC



OBJEKTIF PROGRAM

INSKEN BizCLinic merupakan sebuah sesi konsultasi perniagaan secara profesional yang dikendalikan oleh BisKaunselor INSKEN dengan memanfaatkan kepakaran perniagaan mereka untuk membantu usahawan.

Sesi ini sesuai untuk usahawan yang ingin mendapatkan input penting daripada BisKaunselor berkaitan perniagaan serta cadangan mengenai latihan, bimbingan atau kemudahan yang disediakan oleh INSKEN dan agensi-agensi di bawah KUSKOP.

Peranan utama BisKaunselor adalah untuk menilai dan menentukan strategi yang sesuai bagi setiap usahawan untuk mengekalkan dan mengembangkan lagi perniagaan mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Sesi konsultasi secara bersemuka ini akan memberi input seperti:

1. Tindakan yang perlu dilakukan.
2. Penambahbaikan perniagaan dari segi pemasaran, operasi, pentadbiran dan kewangan.
3. Cadangan penyelesaian masalah yang dihadapi oleh usahawan.
4. Cadangan program keusahawanan yang bersesuaian.



BIDANG FOKUS

Perkhidmatan konsultasi perniagaan daripada BisKaunselor INSKEN.



KUMPULAN SASAR

Terbuka kepada semua usahawan.



SEKTOR

Semua sektor perniagaan.



SYARAT KELAYAKAN

Terbuka kepada semua usahawan.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

www.insken.gov.my

Puan Nor Atiqah binti Ismail
03-83148800/8832

Encik Khyruz Tasyriq bin Abu Samah
03-83148800/8845

Institut Keusahawanan Negara

inskenofficial

inskenofficial

BANK RAKYAT

BANKRAKYAT
بيڠك رعيت
Bank Pilihan Anda



INFO AGENSI

Bank Rakyat merupakan sebuah bank koperasi Islam yang menawarkan kemudahan perbankan komprehensif kepada anggota dan pelanggan. Sebagai sebuah institusi kewangan pembangunan, Bank Rakyat memegang teguh mandat untuk memacu pembangunan ekonomi negara terutamanya menerusi industri keusahawanan dan koperasi negara.



PROGRAM YANG DITAWARKAN

1. Pembiayaan Koperasi
2. Pembiayaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)
3. Bank Rakyat Plus-i
4. Bank Rakyat Indian Entrepreneur Financing-i (BRIEF-i)
5. Bank Negara Malaysia Disaster Relief Fund (DRF)
6. Pembiayaan Tijari Plus – CAKNA II
7. Pusat Perbankan Perniagaan

PEMBIAYAAN KOPERASI

OBJEKTIF PROGRAM

Meningkatkan pertumbuhan dan menyokong pembangunan sektor koperasi untuk kekal bersaing dalam ekosistem keusahawanan yang kondusif.

BIDANG FOKUS

Pembiayaan terbuka kepada aktiviti berikut:

- Modal kerja
- Pembelian hartanah atau aset
- Sewa beli mesin atau kenderaan
- Pembiayaan Berjangka-i

KUMPULAN SASAR

Koperasi terbuka kepada sektor berikut:

- Perkhidmatan
- Pertanian
- Pembinaan
- Pembuatan
- Kredit
- Kontrak

JUMLAH PERUNTUKAN

RM500,000,000.00.

MEKANIASMA PELAKSANAAN

Pengeluaran pembiayaan akan dikreditkan ke akaun koperasi di Bank Rakyat tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan

1. Mempergiat jangkauan pembiayaan
   - Kerjasama Strategik bersama FELCRA, FELDA, MPOB dan Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad (NARSCO).
   - Memperluaskan pembiayaan kepada pelanggan sedia ada dan pelanggan baharu.

2. Kepelbagaian Pembiayaan Kredit
   - Pakej pembiayaan Ar-Rahnu yang strategik dan mantap.

3. Kemudahan e-Dagang kepada Koperasi Masjid
   - Menyediakan akses mudah bagi produk Bank Rakyat dan kemudahan perbankan seperti JomPAY: atau terminal kad, kemudahan pengurusan tunai dan pembiayaan.

TEMPOH PELAKSANAAN

Sehingga dana habis di salurkan.



SASARAN PENYERTAAN

Berdasarkan bilangan permohonan yang diterima.



HASIL JANGKAAN

Berdasarkan bilangan permohonan yang diterima.



SYARAT KELAYAKAN

- Koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993. Perniagaan telah beroperasi selama sekurang-kurangnya 2 tahun dan keuntungan sebelum cukai sekurang-kurangnya 1 dari 2 tahun.
- Semakan CTOS dan CCRIS yang memuaskan.
- Tiada tunggakan pembiayaan melebihi 3 bulan atas syarikat, koperasi, pengarah dan individu.
- Dana pemegang saham yang positif untuk PKS dan Koperasi.
- Bagi mikro, pelanggan perlu menyerahkan penyata bank 6 bulan untuk penilaian selanjutnya berserta dokumen lain yang diperlukan oleh Bank.



PROSES PERMOHONAN (BILANGAN HARI)

30 hari bekerja (berdasarkan jenis pembiayaan).



SENARAI DOKUMEN DIPERLUKAN

Dokumen yang diperlukan seperti berikut:

1. Borang pembiayaan (Koperasi) yang telah ditandatangan.i
2. Borang perakuan pengarah atau penjamin (Pengerusi, Naib Pengerusi (sekiranya ada), Setiausaha dan Bendahari) – untuk CTOS, CCRIS dan semakan lain yang berkaitan.
3. Salinan kad pengenalan yang diakui sah bagi pengarah atau penjamin (Pengerusi, Naib Pengerusi (sekiranya ada), Setiausaha dan Bendahari).
4. Cabutan Minit Mesyuarat Agung Tahunan tentang had keberhutangan koperasi.
5. Penyata Kewangan (syarat ini tidak diwajibkan bagi koperasi kategori mikro):
   a) Salinan yang disahkan untuk akaun beraudit bagi tahun kewangan yang terkini atau akaun pengurusan terkini atau
   b) Salinan yang disahkan untuk akaun beraudit bagi tahun kewangan yang terkini
6. Penyata akaun bank untuk tempoh 6 bulan terkini.
7. Salinan Undang–undang Kecil yang diakui sah oleh Setiausaha Koperasi.
8. Salinan senarai Ahli Lembaga Koperasi bagi tahun terkini yang diakui sah oleh Setiausaha Koperasi.



TATACARA PERMOHONAN

Permohonan melalui borang elektronik yang disediakan di www.qr2e.bankrakyat.com.my, atau ke Pusat Perbankan Perniagaan atau ibu pejabat yang berdekatan (sila rujuk Direktori).



HAD PEMBIAYAAN

Berdasarkan pembiayaan yang diberi.



KADAR KEUNTUNGAN

Pembiayaan Standard: Pada kadar 0 – 2% atas Kadar Asas Pembiayaan (KAP)
BRPlus-i: KAP + 0%
Business Premises Financing (BPF)
1-2 tahun: KAP – 1.0%
Tahun berikutnya: KAP + 0%



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Encik Siddiq Mohd Amin:
03-2202 4553

Encik Firdaus Ramlan:
03-2600 4811

PEMBIAYAAN PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS)



OBJEKTIF PROGRAM

Meningkatkan pertumbuhan ekosistem perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan menggalakkan penglibatan ekosistem dalam menaik taraf ekosistem PMKS selaras dengan matlamat DKN2030.



BIDANG FOKUS

Pembiayaan terbuka kepada aktiviti berikut:

- Modal kerja
- Pembelian hartanah atau aset
- Sewa beli mesin atau kenderaan
- Pembiayaan Berjangka-i



KUMPULAN SASAR

Usahawan PMKS.



JUMLAH PERUNTUKAN

RM1,000,000,000.00.



KADAR KEUNTUNGAN

PKS (minimum): Kadar Asas Pembiayaan (KAP) + 0% setahun Mikro: 7.50% setahun.



MEKANIASMA PELAKSANAAN

Dana akan disalurkan terus ke akaun penerima yang diluluskan.



TEMPOH PELAKSANAAN

Sehingga dana habis disalurkan.



SASARAN PENYERTAAN

Berdasarkan bilangan permohonan yang diterima.



HASIL JANGKAAN

Kelulusan pembiayaan sebanyak RM1,000,000,000.00.



TATACARA PERMOHONAN

Permohonan melalui borang elektronik yang disediakan di www.qr2e.bankrakyat.com.my atau ke Pusat Perbankan Perniagaan atau ibu pejabat yang berdekatan (sila rujuk Direktori).



SYARAT KELAYAKAN

Pembiayaan PKS:

1. Perniagaan telah beroperasi selama 2 tahun
2. Perniagaan patuh Syariah
